

## RAMADHAN DAHULU DAN SEKARANG

Dahulu, pada zaman Rasulullah SAW bulan Ramadhan adalah bulan kemenangan bagi umat Islam. Sejarah telah mencatatkan banyak peristiwa penting umat Islam berlaku pada bulan Ramadhan. Bermula dari penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah SAW diikuti kemenangan umat Islam dalam peperangan Badar, Khandaq dan Hunain serta penaklukan kota Mekah. Pada bulan Ramadhan juga empayar Rome ditakluki dan seterusnya menjadikan negara Islam sebagai salah satu kuasa besar. Pada masa ini umat Islam dipandang mulia dan dihormati. Semua golongan dari pelbagai bangsa, tidak mengira agama, warna kulit dan status berbondong-bondong memeluk Islam dengan keinginan dan pilihan mereka tanpa paksaan dan sebarang ugutan. Alangkah indahnya Ramadhan pada waktu itu.

Pada masa kini, sesungguhnya umat Islam melalui masa-masa getir dengan pelbagai peristiwa dan tragedi yang berlaku ke atas mereka di serata dunia. Dengan mengenang nasib mangsa Tsunami di Aceh Indonesia, mangsa gempa bumi di Pakistan, mangsa kekejaman pihak berkuasa di Selatan Thailand, kemiskinan dan kepapaan umat Islam di Darfur, Sudan, Ethiopia, Afghanistan, mangsa perang Bosnia dan bermacam-macam lagi yang tidak dapat ditulis dalam ruangan yang kecil ini. Terdetik sejenak mengapakah peristiwa ini berlaku sedangkan umat Islam telah dianugerahi dengan nikmat Islam dan iman yang tidak dianugerahkan kepada semua umat manusia di dunia ini. Alangkah sayunya Ramadhan pada masa ini.

Dahulu, para sahabat Rasulullah SAW menanti-nantikan dan merindui Ramadhan. Mereka bergembira menghidupkan Ramadhan dengan tarawih, tadarus, tahajud, qiyamullail dan sebagainya. Laungan selawat dan tasbih menguasai suasana. Amalan bersedekah menjadi lumrah dan kebajikan golongan tidak berkemampuan diambil berat dan dibela. Di kala Ramadhan meninggalkan mereka, para sahabat menangis dan bersedih kerana takut tidak ketemu lagi Ramadhan yang mulia. Alangkah indahnya suasana Ramadhan ketika itu.

Kini, syawal lebih dinantikan berbanding Ramadhan. Suasana Ramadhan hanya meriah tatkala di permulaannya. Masjid dan surau hanya penuh di awal Ramadhan dan hampir lengang diakhiri. Di sepanjang jalan kelihatan bazaar Ramadhan yang dihadiri ribuan umat Islam membeli juadah berbuka walaupun waktu Maghrib hampir menjelang tiba. Lagu-lagu raya dimainkan di mana-mana tatkala selawat dan salam lebih utama. Paling menyedihkan jumlah kehilangan nyawa akibat kemalangan jalanraya terus berleluasa tiada kurang angka statistiknya. Alangkah longlainya Ramadhan pada masa ini.

Bersempena Ramadhan 1426H yang mulia dan penuh dengan keberkatan ini, marilah kita mengambil iktibar segala peristiwa yang menimpa umat Islam masa kini dan bersama-sama menghayati makna sebenar Ramadhan. Ramadhan merupakan satu institusi penyucian rohani dan jasmani umat Islam yang tidak terdapat pada mana-mana agama yang lain. Sepertimana di dalam hadis yang diriwayatkan oleh **Abu Hurairah ra.** **bahawa Rasulullah SAW bersabda:** "*Umatku telah dikurniakan dengan lima perkara yang istimewa yang belum pernah diberikan kepada sesiapa pun sebelum mereka. Bau mulut daripada seorang Islam yang berpuasa adalah terlebih harum di sisi Allah daripada bau haruman kasturi. Ikan-ikan di lautan memohon istighfar (keampunan) ke atas mereka sehingga mereka berbuka puasa*".

Ramadhan mengajar umat Islam mengenai kesusahan dan kesengsaraan manusia yang lemah, miskin dan tidak berdaya. Falsafah ramadhan yang menghendaki supaya menahan lapar, dahaga dan perkara yang membatalkan puasa menghidangkan seribu satu pengajaran kepada kita.

Madrasah Ramadhaniah perlu diberi penghayatan dan diterjemahkan ke dalam hidup umat Islam sepetimana hidupnya Ramadhan sewaktu zaman para sahabat Rasulullah SAW. Melalui penghayatan dan perlaksanaan Ramadhan bakal dapat menentukan umat Islam samada mereka lulus dengan cemerlang atau sebaliknya di institusi Ramadhan ini. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda: Awal bulan Ramadhan ini adalah rahmat dari Allah. Pertengahannya pula adalah keampunan, dan akhirnya pula adalah kelepasan dari api neraka. Hayatilah roh Ramadhan al-Mubarak.**ZULKIFLI HASAN.**